

Wujud prosedur mangsa rogol diuji virus HIV dikaji

KUALA LUMPUR 25 Nov. — Majlis AIDS Malaysia akan mengkaji keperluan mewujudkan prosedur tetap yang mewajibkan setiap mangsa rogol dibcrikan rawatan segera untuk mengelakkan mereka daripada dijangkiti virus HIV.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, ia penting kerana wanita yang menjadi mangsa keganasan juga mudah terdedah dengan jangkitan virus HIV.

“Scbagai contoh, perlu ada peraturan yang menetapkan mangsa rogol diberikan ubat dengan serta-merta supaya mereka tidak terdedah dengan risiko jangkitan HIV,” katanya kepada pemberita selepas turut serta dalam Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita di Stesen PUTRA LRT di Menara Berkembar Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Kempen yang berlangsung selama 16 hari, bermula hari ini sehingga 10 Disember ini anjuran Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dengan kerjasama PUTRA LRT dan Levis Strauss (M) Sdn. Bhd.

Ia diadakan sempena Hari Menentang Keganasan Terha-

dap Wanita Sedunia hari ini dan Hari Hak Asasi Manusia Sedunia pada 10 Disember ini.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan PUTRA LRT, Ridza Abdoh Salleh, Pengurus Levis Strauss, Evelyn Tan dan Pengarah Eksekutif WAO, Ivy Josiah.

Menurut Marina, prosedur yang menetapkan agar mangsa keganasan seperti rogol diberikan rawatan HIV telah diamalkan di beberapa buah negara maju.

Bagaimanapun katanya, sekarang ini belum ada sebarang kajian dan perbincangan bagi mewujudkan peraturan sedemikian di negara ini.

“Kami belum membuat sebarang perbincangan mengenai hal itu kerana ia merupakan isu yang baru timbul,” katanya.

Jelasnya, satu kajian perlu dibuat terlebih dahulu seperti mendapatkan maklumat daripada pihak hospital dan pekerja-pekerja kesihatan.

“Ia perlu dibuat mengikut kesesuaian termasuk dalam isu-isu lain yang berkaitan keganasan terhadap wanita,” ujarnya.